



**MAJLIS PERDANA PERKHIDMATAN AWAM KEEMPAT BELAS
(MAPPA XIV)**

DAN

**PERSADA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM
PUSAT KONVENSyen ANTARABANGSA PUTRAJAYA (PICC)**

17 JUN 2015

1. LATAR BELAKANG MAPPA

- Majlis Perdana Perkhidmatan Awam atau (MAPPA) ini telah dianjurkan mulai tahun 2000. Majlis tahunan ini diadakan bertujuan untuk membolehkan YAB Perdana Menteri, memaklumkan dan menerangkan strategi serta perancangan kerajaan bagi meningkatkan perkhidmatan kepada rakyat dan seterusnya berdialog bersama-sama penjawat awam.
- Jika dilihat daripada penganjuran MAPPA terdahulu, MAPPA I (pertama) hingga MAPPA IV (keempat) seramai 500 hingga 800 pegawai kanan sektor awam telah hadir dan pada penganjuran MAPPA V (kelima) seramai 3,000 kakitangan awam telah hadir ke majlis tersebut. Amanat ini turut dihadiri oleh semua anggota pentadbiran, termasuk menteri, timbalan menteri dan setiausaha parlimen.

- Meneruskan penganjuran MAPPA bagi tahun ini, MAPPA Keempat Belas (MAPPA XIV) turut akan dihadiri oleh seramai 5,000 orang penjawat awam termasuk YB Menteri-Menteri Kabinet, Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua-Ketua Perkhidmatan, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Negeri, Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri, wakil-wakil Kesatuan Sekerja dan Persatuan-Persatuan Pesara serta pegawai-pegawai kanan Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri dari seluruh negara.

2. OBJEKTIF & TEMA MAPPA XIV

- Objektifnya sebagai platform bagi membolehkan semua pihak yang terlibat seperti menteri, ketua jabatan dan semua anggota perkhidmatan awam memahami dengan jelas apa yang dihasratkan oleh YAB Perdana Menteri agar hasrat dan harapan tersebut dapat diterjemah serta diaplikasikan ke dalam pelan tindakan di kementerian atau jabatan masing-masing.
- Perjumpaan seperti ini bukan sahaja dapat mengurangkan jurang salah faham, malah dapat mewujudkan penyatuan dalam pemikiran dan tindakan dalam kalangan anggota perkhidmatan awam ke arah membina sebuah negara yang cemerlang, gemilang dan terbilang.
- Tema pada tahun ini adalah **Mendepani Realiti Baharu Negara: Pertumbuhan Melalui Produktiviti dan Inovasi.**

3. PENGISIAN MAPPA XIV

- Pelancaran buku 'Melakar Wajah Baharu Perkhidmatan Awam: 8 Prinsip Pemangkin Kecemerlangan'.
- Buat julung kalinya Program Persada Transformasi Perkhidmatan Awam diadakan dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang yang melibatkan **24 kementerian/agensi**
- Program ini bertujuan untuk mengetengah dan mempromosikan produk dan perkhidmatan di bawah inisiatif transformasi berimpak tinggi yang dilaksanakan di semua kementerian dan agensi serta menggalakkan perkongsian amalan terbaik dalam menjayakan Transformasi Perkhidmatan Awam.
- Program Persada Transformasi Perkhidmatan Awam ini juga **terbuka untuk semua**. Kehadiran pengunjung di setiap lapisan masyarakat akan memeriahkan lagi program ini. Pengunjung berpeluang untuk menyaksikan sendiri inisiatif transformasi perkhidmatan awam yang dilaksanakan oleh kementerian **selaras dengan hasrat Dasar Transformasi Negara** bagi menuju ke arah status sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

4. TEMA DAN AKTIVITI PERSADA TRANSFORMASI PERKHIDMATAN AWAM

- Tema Persada Transformasi Perkhidmatan Awam '**Menjunjung Amanah, Melestari Transformasi**'.
- Antara aktiviti di dalam pengisian Persada Transformasi Perkhidmatan Awam:
 - **Pameran**
Melibatkan 45 *booth* dan bertujuan untuk mengetengahkan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan daripada 64 inisiatif transformasi berimpak

tinggi kementerian/agensi seperti KPM dengan Transformasi Pendidikan Vokasional, Kementerian Wanita dengan Anjung Kasih, JPA dengan 1Pesara, JPA4U dan banyak lagi.

➤ **Sudut Bicara (Speaker's Corner)**

Sudut Bicara merupakan satu ruang yang dikhaskan untuk program berbentuk perkongsian informatif. Sebanyak lapan (8) slot telah disusun berkaitan pengalaman mengendalikan tragedi MH17, bencana banjir, perkongsian pengalaman pelajar tajaan JPA yang berjaya serta penjawat awam muda yang cemerlang.

➤ **Sudut Demonstrasi (Demo Corner)**

Sudut Demonstrasi dikhaskan untuk program demonstrasi berkaitan produk atau perkhidmatan yang dihasilkan melalui inisiatif transformasi kementerian/agensi. Secara keseluruhannya terdapat 11 slot demonstrasi yang menarik telah disusun seperti demonstrasi MyKira GST oleh KPDNKK, kenderaan dan pemanduan selamat oleh JPJ dan banyak lagi.

➤ **Taklimat Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11)**

Sesi taklimat ini bertujuan untuk memberi penerangan dan pendedahan mengenai RMKe-11. Taklimat ini penting memandangkan RMKe-11 merupakan fasa akhir perancangan lima tahun negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.

➤ **Aktiviti Pelajar Sekolah**

Pelbagai acara menarik disediakan seperti Taklimat Biasiswa Pra-perkhidmatan, Segmen Career Exploration dan Ceramah Tips Peperiksaan. Turut diadakan ialah pertunjukan sains oleh Kementerian Sains, Teknologi dan inovasi (MOSTI) dan pameran mengenai

perpustakaan digital (Smart Library) oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

➤ **Perkhidmatan Bergerak**

Perkhidmatan Bergerak yang dediaikan adalah Kaunter Bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Balai Polis Bergerak yang menyediakan semakan dan pembayaran saman trafik, pembaharuan lesen memandu dan cukai jalan serta semakan senarai hitam.

➤ **Program Derma Darah dan MamaCare**

Program derma darah oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan program MamaCare oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) yang menawarkan perkhidmatan urutan kepada pengunjung wanita.

➤ **Program Sampingan**

Persada Transformasi Perkhidmatan Awam turut menampilkan persembahan istimewa daripada Kumpulan Caliph Buskers yang dijemput khas bagi memeriahkan lagi acara pada hari tersebut serta sayembara puisi oleh pemenang Pertandingan Sayembara Puisi Perkhidmatan Awam yang diadakan bersempena Persada Transformasi Perkhidmatan Awam.

###